

Projek sel stem diunjur raih RM1b

BCRO dijangka mula operasi komersial pada 2011

Oleh Nor Liza Ahmad

PROJEK pengeluaran sel stem usaha sama antara Pahang Technology Resources Sdn Bhd dan BCRO Stem Cell Xenotransplantation Sdn Bhd yang dijangka beroperasi secara komersial menjelang 2011, dijangka menghasilkan pendapatan kira-kira RM1 bilion setahun.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kilang yang dibina di tapak seluas 80 hektar di Janda Baik itu akan menghasilkan sel stem daripada arnab.

Beliau yang juga Pengerusi Pahang Technology, berkata dengan adanya kemudahan itu, Malaysia akan muncul sebagai pusat pengeluaran sel stem terbesar dunia dan yang menjadi pertama menerima pemindahan teknologi berkenaan daripada Bio-Cellular Research Organisation LLC yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Ketika ini sel stem untuk tujuan perubatan diimport daripada kemudahan pengeluaran BCRO di Slovakia.

"Projek ini mempunyai potensi yang cukup besar dan mampu menyumbang pendapatan lumayan.

"Selain daripada pemasaran sel stem, projek ini juga mampu menjana pendapatan daripada kegiatan hiliran termasuk pengeluaran baja dan daging arnab. Ia juga mampu menggalakkan industri pelancongan berasaskan kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pahang Technology dan BCRO di Kuala Lumpur, semalam.

Pada MoU itu, Pahang Technology diwakili Naib Pengerusinya, Datuk

“Projek ini mempunyai potensi yang cukup besar dan mampu menyumbang pendapatan lumayan”

Adnan Yaakob
Menteri Besar Pahang

Mohd Shakar Shamsudin, manakala BCRO oleh Pengarah Eksekutifnya, Amir Ismail.

Hadir sama Pengarah BCRO, Prof Dr Michael Molnar dan Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Muhammad Safian Ismail.

Pengeluaran sel stem ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Malaysia (Jakim), Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan.

Adnan berkata, projek itu akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat dengan perjanjian bagi penubuhan syarikat usaha sama dijangka dimeterai antara kedua-dua syarikat dalam tempoh sebulan.

Sel stem daripada kemudahan pengeluaran di Malaysia itu akan turut dipasarkan ke seluruh dunia.

BCRO yang mengeluarkan sel stem sejak 10 tahun lalu, kini membekalkannya kepada hospital di Asia, Amerika Utara, Amerika Selatan, Eropah, Afrika dan Australia.

Di Malaysia, sel stem sudah digunakan kepada 100 pesakit termasuk membabitkan kes berkaitan Sindrom Down.



TEKNOLOGI BARU: Adnan (dua dari kanan) melihat model tapak Bcro di ruang pameran selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Pahang Technology Resources Sdn Bhd antara BCRO Stem Cell Transplantation Sdn Bhd di PWTC, semalam. Turut kelihatan Amir (dua dari kiri), Mohd Shakar (kanan) serta Michael.